

11/05/2009 - Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Kali Ke-27

Bismillahir rahmanir rahim

Assalaamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Y. Bhg. Puan Sri Wan Noorlina Binti Wan Hussin, Yang Di Pertua PUSPANITA Kebangsaan

Y.Bhg. Tan Sri Ismail Adam  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Y.Bhg. Puan Sri Norshaadah Bt Mohd Nor, Timbalan YDP I

Y. Bhg. Puan Sri Hayati Omar  
Timbalan YDP II

Penasihat-Penasihat Dan Pengerusi-Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Dan Negeri

Ahli Majlis Tertinggi PUSPANITA

Ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi PUSPANITA Kebangsaan  
Y.Bhg. Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin

Perwakilan PUSPANITA, serta

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat Nya kita dapat bersama-sama dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA kali ke-27 pada pagi ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada PUSPANITA kerana telah menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Perwakilan PUSPANITA pada hari ini.

Saudara-saudari sekalian,

2. Pada hari Ahad, 1 Mac 2009 yang lalu, ramai di kalangan kita telah hadir ke Dewan ini untuk Majlis Pelancaran Buku "Citra Gemilang – 25 Tahun PUSPANITA". Buku tersebut telah melakarkan dan mengimbas semula pencapaian dan kemajuan PUSPANITA sepanjang tempoh 25 tahun kewujudannya, iaitu semenjak ditubuhkan pada tahun 1983. Saya turut berbangga dan mengucapkan tahniah kepada warga PUSPANITA atas kejayaan dan kemajuan yang telah dicapai.

Adalah diakui bahawa dalam tempoh masa 25 tahun, PUSPANITA telah berkembang maju dengan cemerlang. Keahlian PUSPANITA, kini telah mencapai lebih 86,000 orang, dan cawangan PUSPANITA telah ditubuhkan di setiap kementerian, hampir ke semua negeri dan daerah di seluruh negara. Di samping itu pelbagai program dan aktiviti telah dianjurkan untuk manfaat ahli-ahli PUSPANITA dan masyarakat umum. Dua buah bangunan telah berjaya dibina untuk kegunaan dan kemudahan ahli PUSPANITA khususnya, dan orang ramai, amnya. Bantuan amal dan kebajikan atas keprihatinan PUSPANITA telah berjaya disampaikan kepada golongan yang memerlukan. Nama PUSPANITA juga kini tersohor dan tidak asing lagi di kalangan masyarakat negara ini.

3. Sambil kita meraikan kejayaan tersebut, sudah tiba masanya kita merenung masa depan PUSPANITA. Adakah kita berpuas hati dengan kejayaan PUSPANITA? Adakah peranan PUSPANITA mencukupi bagi memajukan ahli-ahlinya? Apa lagi yang boleh dilakukan untuk dilonjakkan PUSPANITA ke tahap yang lebih maju?

4. Sememangnya PUSPANITA telah menempa kejayaan serta mencapai satu tahap kemajuan yang

boleh dibanggakan. Namun saya percaya PUSPANITA boleh lebih relevan di kalangan ahli-ahlinya, dengan melaksanakan penambahbaikan secara berterusan sejajar dengan peredaran masa dan kemajuan teknologi. Justeru, PUSPANITA perlu melakukan satu transformasi dari pelbagai aspek dan secara menyeluruh, supaya lebih cemerlang dan progresif.

5. Saya gembira program kita pada pagi ini dimulakan tepat pada masanya. Saya harap amalan menepati masa ini akan dapat diteruskan dalam apa juga program dan aktiviti yang dilaksanakan. Dalam hubungan ini, saya ingin berkongsi bersama pesanan serta amanat Y.A.B. Perdana Menteri, iaitu dalam usaha membawa Malaysia ke arah kejayaan serta pencapaian yang lebih tinggi, adalah penting bagi kita menanam kesedaran serta berubah menjadi masyarakat yang mengamalkan prinsip ketepatan atau precision. Iaitu ketepatan dari segi pengukuran, pengurusan masa, jadual penyampaian, kualiti produk dan sebagainya.

Budaya yang mementingkan prinsip ketepatan akan membolehkan Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang cemerlang dan mengutamakan kualiti seperti negara-negara Jepun, Switzerland dan Jerman. Sebagaimana kita ketahui, barang dan perkhidmatan Swiss, Jerman dan Jepun begitu sinonim dengan kualiti. Dan ini ada kaitan rapat dengan budaya precision.

6. Dalam hubungan ini, saya percaya ahli-ahli PUSPANITA dapat membudayakan "punctuality" terhadap pelaksanaan program dan aktiviti yang telah dirancang bagi memastikan ahli mendapat faedah serta manfaat sepenuhnya dari penganjuran sesuatu program atau aktiviti. Untuk tujuan ini, usaha hendaklah diikhtirakan bagi membentuk sikap positif di kalangan ahli PUSPANITA dan keluarga ahli-ahli PUSPANITA supaya kita lebih proaktif untuk menyumbang idea dan turut serta dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Sebagaimana diketahui, ramai di kalangan ahli PUSPANITA adalah ibu-ibu. Sebagai ibu yang menjadi tulang belakang kesejahteraan keluarga, adalah penting untuk menanamkan nilai-nilai yang baik kepada anak-anak, antaranya ialah menepati masa atau punctuality. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan "Selamat Menyambut Hari Ibu" kepada ahli-ahli PUSPANITA yang bergelar ibu sempena sambutan Hari Ibu, semalam, Ahad 10 Mei 2009.

Puan-puan sekalian,

7. Sejajar dengan ini juga kita digalakkan mengamalkan prinsip yang lebih businesslike yang mementingkan sesuatu urusan dilaksanakan dengan cepat tanpa meleret-leret dan tidak terlampau ikut dengan aspek ritual tertentu seperti penyediaan karpet merah, perarakan bunga manggar, iringan paluan kompang, dan sebagainya. Acara-acara dalam penganjuran majlis-majlis tertentu, termasuk majlis rasmi Kerajaan hendaklah diringkaskan, dengan mencontohi penganjuran majlis-majlis seumpama itu di luar negara. Adalah diharapkan dengan memulakan inisiatif mengutamakan prinsip ketepatan dari semua aspek dan prinsip businesslike, ini akan meningkatkan kesedaran kepada masyarakat akar umbi supaya turut merubah ke budaya precision.

8. Justeru saya berharap, PUSPANITA juga mengamalkan prinsip yang sama dalam penganjuran program dan aktiviti, mahupun majlis-majlis tertentu. Dengan demikian, ia bukan sahaja dapat menjimatkan belanja, malah program dan aktiviti yang dilaksanakan akan lebih padat, dan mencapai objektif dengan lebih efisien lagi.

9. Di sini, saya juga ingin mencadangkan supaya PUSPANITA bertindak lebih agresif dalam mempromosikan serta memasarkan penggunaan dewan-dewan yang terdapat di PUSPANITAPURI, Putrajaya, mahupun rumah PUSPANITA di Jalan Hose, Kuala Lumpur. Pemasaran dewan-dewan ini hendaklah dilakukan seperti satu perniagaan. Kita perlu belajar daripada mereka yang lebih berjaya, seperti PICC, Perbadanan Putrajaya dan sebagainya. Saya percaya sekiranya kita berusaha dengan bersungguh-sungguh, kita akan memperoleh pendapatan yang lumayan hasil dari penyewaan ruang-ruang yang terdapat di bangunan-bangunan PUSPANITA. Ini juga merupakan salah satu usaha persatuan ini untuk menuju ke arah self-sustainable, tanpa terlalu bergantung kepada bantuan kewangan dari Kerajaan.

10. Saya ingin mengesyorkan supaya program, aktiviti dan kegiatan PUSPANITA di semua peringkat dikaji semula keberkesanan penganjurannya. Walaupun program, aktiviti dan kegiatan berjalan baik serta mendapat sambutan daripada ahli dan masyarakat, namun bagi memperoleh impak yang maksimum dari penganjuran tersebut, transformasi harus dilakukan. PUSPANITA mungkin perlu melihat dari sudut yang lebih agresif dan bersaing dengan keadaan sekitar yang sangat mencabar pada masa ini. Sebagai contoh, program keusahawanan wanita boleh diperluaskan lagi dengan mengadakan aktiviti yang lebih terancang bagi jangka masa panjang. Pada masa ini program tersebut dijalankan secara adhoc tanpa perancangan yang rapi. Seperti mana tabung latihan yang diwujudkan oleh PUSPANITA telah dapat membantu anak-anak ahli, mungkin sebuah tabung keusahawanan boleh ditubuhkan pula bagi membantu ahli-ahli yang ingin menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan.

11. Dalam hubungan ini, PUSPANITA boleh bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang telah menubuhkan dana-dana tertentu bagi pembangunan usahawan serta memohon kuota untuk ahli PUSPANITA. Di samping itu ahli-ahli yang berminat dalam bidang ini boleh diberi bimbingan dan pendedahan dalam perniagaan dengan diberikan latihan dan kemahiran yang sewajarnya. Ini semua boleh dilakukan secara tersusun dan terancang, sekiranya kita tahu dan faham tentang "outcome" yang dihasratkan dari penganjuran sesuatu program dan aktiviti.

12. Sebagai contoh, kita sedia maklum bahawa ramai di kalangan isteri pegawai-pegawai kerajaan yang tidak bekerja kerana ingin menjadi suri rumah sepenuh masa. Sekiranya mereka ini diberi peluang, serta dengan bimbingan dan latihan tertentu, mereka akan dapat membuat perniagaan secara kecil-kecilan di rumah. Ini dengan secara tidak langsung akan membantu mereka menambah pendapatan keluarga. Perkara ini juga boleh dipanjangkan kepada pegawai-pegawai kerajaan wanita yang telah bersara.

Usaha seumpama ini akan dapat menarik lebih ramai suri dan pegawai kerajaan wanita untuk menjadi ahli PUSPANITA. Di samping itu, PUSPANITA boleh mewujudkan satu mekanisme untuk memantau usahawan-usahawan yang telah berjaya. Saya percaya mereka yang telah berjaya bersedia membantu PUSPANITA dalam merancang program dan aktiviti lain yang berkaitan secara berterusan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Dalam usaha PUSPANITA melakukan transformasi dalam program dan aktiviti, adalah amat penting seiringan dengan itu berlaku transformasi dalam pengurusan di semua peringkat, baik di peringkat pusat mahupun di cawangan-cawangan. Pengurusan dan pentadbiran PUSPANITA harus ditingkatkan supaya lebih mantap dan berwibawa. Perkhidmatan yang disampaikan mestilah cekap dan cepat dan hendaklah sentiasa proaktif.

14. Dalam usaha ke arah ini pihak pengurusan hendaklah sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan menghadiri latihan bagi mempelajari ilmu-ilmu baru yang bersesuaian.

15. Dengan usaha-usaha ini, saya percaya PUSPANITA akan menjadi lebih mantap dari segi pengetahuan dan kemahiran, di samping pengurusan yang lebih cekap dan berkesan, serta lebih berjaya dan cemerlang dalam memenuhi keperluan dan kehendak ahli-ahli PUSPANITA. Dalam hubungan ini, saya berharap agar Penasihat PUSPANITA di semua peringkat cawangan sentiasa membantu, memberi tunjuk ajar serta bimbingan yang sewajarnya bagi memastikan kejayaan PUSPANITA.

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pucuk pimpinan PUSPANITA dari dulu hingga sekarang kerana telah memimpin PUSPANITA sehingga mencapai kejayaan yang dinikmati pada hari ini. Terima kasih juga atas kerjasama erat dan sepakat yang diberikan oleh kedua-dua Timbalan Yang DiPertua, ahli Majlis Tertinggi dan juga ahli Jawatankuasa Tertinggi PUSPANITA Kebangsaan.

Saya diberitahu YDP PUSPANITA Kebangsaan amat menghargai segala kerjasama yang diberikan.

Tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih kepada Penasihat-Penasihat PUSPANITA atas sokongan padu serta tunjuk ajar yang diberikan. Akhir kata, dengan lafaz "Bismillaahir rahmaanir rahim" saya merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA kali ke-27.

Sekian,  
Wabillahittaufik walhidayah,  
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.